

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

SPU 306 - Politik Perhubungan Utara-Selatan

Tarikh: 12 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
[3 jam]

---

Jawab TIGA soalan

1. Ulasikan tujuan-tujuan utama pihak Selatan dalam cadangannya bagi mewujudkan satu Orde Ekonomi Antarabangsa yang Baru. Selepas itu, bincangkan sambutan pihak Utara terhadap cadangan tersebut. Dalam berbuat demikian, anda harus merujuk kepada aspek-aspek cadangan itu yang tidak disenangi pihak Utara.
2. "Bantuan asing tidak dapat mencapai matlamat pembangunannya dan sebaliknya mendatangkan kesan politik dan ekonomi yang buruk atas negara penerima." Apakah alasan-alasan yang diberikan oleh mereka yang berpegang kepada pandangan ini? Bersetujukah anda dengan pandangan tersebut? Berikan hujah-hujah untuk menyokong pendapat anda.
3. Bincangkan masalah-masalah perdagangan yang timbul dalam hubungan Utara-Selatan. Kemudian, analisiskan sejauh manakah dialog Utara-Selatan - terutamanya di persidangan UNCTAD - telah membawa kepada penyelesaian masalah-masalah tersebut. Pada pendapat anda, dapatkah masalah-masalah tersebut dapat diselesaikan secara lengkap? Anda mesti memberi hujah-hujah untuk menyokong pendapat anda.

...2/-

4. Dua pandangan utama yang bertentangan wujud terhadap sumbangan Perbadanan Transnasional (PTN) kepada pembangunan negara-negara Selatan. Yang satu menyebut bahawa PTN memberi sumbangan positif kepada pembangunan negara-negara Selatan; yang lain berbunyi bahawa peranan PTN mendatangkan kesan buruk. Bincangkan kedua-dua pandangan itu. Yang manakah lebih anda setuju?
  
5. Bincangkan dialog Selatan-Selatan dengan memberi perhatian kepada hal-hal berikut:
  - [a] tujuan-tujuan dialog tersebut;
  - [b] samada tujuan-tujuannya dapat tercapai;
  - [c] sejauh manakah kerjasama Selatan-Selatan dapat mengurangkan pergantungan Selatan kepada Utara;
  - [d] bagaimana dialog itu dapat memberi sumbangan kepada pencapaian tujuan Selatan dalam mengagihkan semula kekayaan dunia secara samarata.

- oooOooo -